

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

1. Nyatakan secara terperinci status kemajuan projek Tebatan Banjir Taman Bunga Raya Fasa 1.
 - (a) Bilakah Projek Tebatan Banjir Taman Bunga Raya Fasa 2 yang telah diluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta dalam Mesyuarat EXCO Tebatan Banjir pada 22 Ogos 2022 akan mula dilaksanakan dan apakah halangan yang dihadapi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Projek tebatan banjir Taman Bunga Raya Fasa 1 telah siap dilaksanakan pada 26 Disember 2023 yang lalu.
 - (a) Projek Fasa 2 yang melibatkan pembinaan parit monsun bypass di Jalan Thamby Kecil dijangka dapat dilaksanakan seawal bulan Disember 2024 tertakluk kepada kelulusan reka bentuk daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP). Pelaksanaan projek ini telah tergendala disebabkan terdapatnya kabel dan paip utiliti di sepanjang jajaran cadangan parit monsun tersebut. Ini memerlukan penglibatan dari pihak utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) Berhad, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd. dan lain-lain untuk kerja-kerja pengalihan di tapak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

2. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengiktiraf peranan penganjur dan peserta program derma darah?
 - (a) Adakah penganjur program derma darah akan diberikan peruntukan untuk pembangunan pangkalan data maklumat penderma darah dan rekod program derma darah yang telah disertai?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Antara pengiktirafan yang diberikan adalah sijil dan cenderamata penghargaan kepada penderma darah terbanyak dan penganjur teraktif dari setiap negeri semasa sambutan Hari Pendermaan Darah Peringkat Negeri dan juga Peringkat Kebangsaan. Sambutan Peringkat Kebangsaan pada tahun ini akan diadakan di Ipoh, Perak pada 22 Jun 2024, manakala peringkat Negeri Pulau Pinang pada 30 Jun 2024 bertempat di Mydin Mall Bukit Mertajam. Ketua Menteri Pulau Pinang telah dijemput untuk menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada para penderma dan penganjur teraktif.

Ketua Pengarah Kesihatan KKM juga telah mengeluarkan sepucuk surat Pekeliling KPK Bil 2/2024 bertarikh 22 Mac 2024 di mana keistimewaan penderma darah telah ditingkatkan di 3 aspek iaitu:

- (i) Peningkatan peruntukan kadar kesegaran dari RM5.00 ke RM12.00;
- (ii) Peningkatan keistimewaan rawatan bagi penderma warganegara; dan

- (iii) Pengecualian caj bagi penderma bukan warga yang mengalami komplikasi *adverse donor reaction* semasa atau selepas menderma.
- (a) Tiada peruntukan khas disediakan untuk penganjuran program derma darah namun KKM telah mengambil inisiatif membangunkan aplikasi mudah alih seperti "**RekodSaya**" yang membolehkan pengguna mempunyai capaian digital kepada maklumat kesihatan mereka serta sejarah pendermaan darah. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah melindungi data yang dikemukakan oleh pengguna di samping mematuhi standard keselamatan yang ditetapkan demi memelihara kerahsiaan data penderma darah.

Antara fungsi dalam **RekodSaya** adalah penderma darah yang telah mendaftar dan mengaktifkan akaun mereka akan mempunyai akses ke atas sejarah pendermaan darah dan imunisasi mereka.

Di samping itu, mereka boleh memperolehi maklumat lokasi serta waktu operasi pusat kutipan statik dan kempen derma darah bergerak untuk semua negeri dan juga informasi berkenaan pendermaan darah yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

Aplikasi mudah alih **RekodSaya** bakal dilancarkan oleh YB Menteri Kesihatan pada 22 Jun 2024 sempena sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024. Dua hospital di negeri Pulau Pinang, iaitu Hospital Seberang Jaya dan Hospital Pulau Pinang telah dipilih untuk pelaksanaan awal (*soft launch*) sebelum pelancaran aplikasi diadakan pada 13 dan 20 Jun 2024 ini.

Penderma darah boleh membuat temujanji pendermaan darah di mana-mana pusat kutipan darah dan kempen derma darah di seluruh Malaysia secara atas talian di dalam aplikasi tersebut.

Maklumat status stok darah setiap negeri juga boleh diakses melalui aplikasi **RekodSaya**. Para pengajur kempen derma darah dan semua pihak yang terlibat akan digalakkan menggunakan dan mempromosikan penggunaan **RekodSaya** kepada para penderma darah kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

3. Adakah projek menaik taraf perparitan di Taman Lucky, Butterworth akan dilaksanakan mengikut jadual bermula Jun 2024?
 - (a) Nyatakan secara terperinci kerja-kerja pembinaan yang terlibat dan tempoh masa untuk menyiapkan projek tersebut.
 - (b) Berapakah jumlah yang akan digunakan melalui peruntukan Akaun Amanah Caruman Perparitan bagi membiayai projek tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Projek naik taraf perparitan di Taman Lucky, Butterworth tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual kerana terdapat banyak kabel utiliti yang perlu dialihkan dan memerlukan pendekatan yang berbeza bagi pelaksanaan projek terbabit.
 - (a) Kerja-kerja pembinaan dan tempoh masa yang terlibat masih belum dapat ditentukan kerana Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masih dalam peringkat kajian yang dilaksanakan secara dalaman berdasarkan kepada maklumat pengukuran aras dan pemetaan utiliti yang telah disediakan. Kajian ini dijangka siap pada bulan Ogos 2024.
 - (b) Jumlah peruntukan yang akan digunakan melalui Akaun Amanah Caruman Perparitan bagi membiayai projek tersebut akan ditentukan selepas kajian tersebut siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

4. Terdapat persimpangan bercabang yang memisahkan susur keluar Lingkaran Luar - Butterworth (LLB) dan Jalan Merbau, Taman Merbau di Bagan Ajam. Nyatakan secara terperinci agensi manakah yang bertanggungjawab dalam urusan pembersihan, penyelenggaraan jalan, pemotongan rumput dan pemangkasan dahan-dahan pokok di sepanjang kedua-dua laluan berkenaan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerja-kerja pembersihan, penyelenggaraan jalan, pemotongan rumput dan pemangkasan dahan-dahan pokok di Jalan Merbau (jalan berhadapan kawasan perumahan) Taman Merbau, Bagan Ajam adalah di bawah tanggungjawab Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), manakala bagi jalan selain Jalan Merbau iaitu di persimpangan susur keluar Lingkaran Luar-Butterworth (LLB) adalah di bawah tanggungjawab pihak Lebuhraya Butterworth Outer Ring Road (BORR).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

5. Apakah status terkini kajian pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) / Lingkaran Luar - Butterworth (LLB) untuk membina ‘triangle island’ dan pelebaran jalan untuk belokan kiri dari arah Jalan Raja Uda ke ‘interchange’ LLB arah Bagan Ajam?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Syarikat Konsesi LLB kini sedang dalam proses penilaian keperluan reka bentuk dan aspek keselamatan bagi projek tersebut. Pelaksanaan penambahbaikan tersebut bergantung kepada penilaian yang akan dijalankan dan implikasi kepada aliran trafik di kawasan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

6. Apakah perkembangan terkini berhubung rancangan bagi jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk membina persimpangan bertingkat seperti kelulusan *Traffic Impact Assessment* bagi pembinaan *Third Link* untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik di persimpangan Lingkaran Luar Butterworth (LLB)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Berdasarkan *Traffic Impact Assessment* (TIA) yang telah dilaksanakan dalam Laporan Kajian Kebolehlaksanaan (FS), pembinaan persimpangan bertingkat di Lingkaran Luar Butterworth (LLB) juga perlu selari dengan penyiapan pembinaan *Third Link* tersebut.

Sebagai pemakluman, pembinaan persimpangan bertingkat di sepanjang LLB (kira-kira 4km) adalah bukan di bawah skop kontraktor *Consortium Zenith Construction* (CZC) seperti dinyatakan dalam Laporan Kebolehlaksanaan. Pihak CZC hanya bertanggungjawab untuk membina *ramp up* dan *ramp down* dari LLB sahaja. Manakala *ramp* keluar / masuk ke NBCT dan pembangunan *Rayston* adalah di luar skop CZC. Jadual masa pembinaan jalan keluar / masuk yang terlibat adalah bergantung ke atas perancangan *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) dan *Rayston*.

Pembinaan laluan sehingga ke PLUS perlu disiapkan oleh pihak ketiga selaras dengan penyiapan *Third Link* bagi penyuraian trafik yg lebih baik.

Sehubungan itu, pembinaan persimpangan bertingkat di LLB ini adalah bergantung kepada hala tuju pembinaan *Third Link* ini yang masih di peringkat rundingan dengan beberapa *stakeholder* sebelum ianya dimuktamadkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

7. Nyatakan secara terperinci apakah status terkini kerja-kerja menaik taraf dan lain-lain prasarana di kawasan Pasar Awam Bagan Ajam.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Status terkini bagi kerja-kerja menaik taraf dan prasarana-prasarana lain di kawasan Pasar Awam Bagan Ajam adalah seperti berikut:

Bil	Skop Kerja	Status
1.	Pembaikan bumbung	Siap
2.	Pemasangan <i>railing</i> bagi Orang Kurang Upaya (OKU)	Siap
3.	Pemasangan penutup longkang	Siap
4.	Menggantikan dan memasang peralatan yang baharu di dalam tandas yang rosak	Siap
5.	Menukar semua talang air yang telah reput dan rosak serta menambah bilangan <i>rainwater down pipe</i>	Siap
6.	Menggantikan papan tanda	Sedang dilaksanakan dan dijadualkan siap pada 30 Mei 2024

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

8. Nyatakan secara terperinci jumlah unit rumah dan bilangan projek Rumah Mampu Milik (RMM) kategori A, B dan C yang telah dibina, sedang dibina dan akan dibina di kawasan Parlimen Bagan.
 - (a) Daripada jumlah tersebut, berapakah unit rumah yang telah didiami dan masih dalam proses penawaran?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Berdasarkan rekod Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sehingga 30 April 2024, secara keseluruhannya terdapat sebanyak 4,009 unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang terdiri daripada tujuh (7) buah projek di kawasan Parlimen Bagan. Terdapat tiga (3) peringkat pelaksanaan pembangunan bagi projek-projek tersebut iaitu telah siap dibina, dalam pembinaan dan di peringkat perancangan.

Perincian berkenaan 4,009 unit tersebut mengikut projek, kategori rumah dan peringkat pelaksanaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Daripada jumlah 4,009 unit RMM, hanya 797 unit yang telah siap dibina dan sedia untuk ditawarkan kepada pemohon yang layak. Daripada 797 unit tersebut, 84 unit yang terletak di Taman Ampang Jajar telah didiami oleh pemohon yang layak dan 199 unit pula telah disimpan untuk dijadikan sebagai unit gantian untuk penduduk setinggan di kawasan Mak Mandin. 187 unit yang terletak di Pangsapuri Mak Mandin Indah telah dijadikan unit gantian bagi Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC) Mak Mandin.

Sehingga tarikh berakhir pada 31 Disember 2024, sejumlah 327 unit masih dalam proses penawaran.

LAMPIRAN A**PERINCIAN SENARAI PROJEK YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI PERINGKAT PEMBINAAN DI PARLIMEN BAGAN.**

BIL	PROJEK	JENIS RMM	KADUN	BILANGAN UNIT
Senarai Projek yang Siap Dibina				
1.	Taman Ampang Jajar	A	Bagan Jermal	304
2.	Taman Sentral	A	Bagan Jermal	54
3.	Pangsapuri Suria	A	Bagan Dalam	439
Senarai Projek dalam Peringkat Pembinaan				
1.	Pangsapuri Mak Mandin Indah	A	Bagan Jermal	187
Senarai Projek dalam Peringkat Perancangan				
1.	Di atas Lot-lot 2499, 195, 2502, 2570, 270, 189, 190, 2569, 2626, 197, 199, 1420187, 268 & 362, Seksyen 4, Butterworth	A	Bagan Dalam	225
2.	Ampang Jajar	B	Bagan Jermal	720
3.	Ampang Jajar	C	Bagan Jermal	2,080
Jumlah Keseluruhan				4,009

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

9. Nyatakan secara terperinci berapakah jumlah projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dan sedang dibina di seluruh negeri Pulau Pinang mengikut pecahan kawasan DUN.
 - (a) Daripada jumlah projek PPR tersebut, berapakah unit rumah yang telah didiami dan masih kosong mengikut pecahan kawasan DUN?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri memberi perhatian dan tidak membelakangkan rakyat yang masih belum mampu atau bersedia untuk memiliki kediaman mampu milik. Selain Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN), Program Perumahan Rakyat (PPR) juga merupakan alternatif kediaman buat mereka. Di bawah program ini, Kerajaan Negeri menyediakan tanah sebagai tapak projek, manakala Kerajaan Persekutuan pula menyediakan peruntukan pembangunan. Setakat ini, terdapat empat (4) PPR di Pulau Pinang yang membekalkan 999 unit kediaman. Perincian projek PPR mengikut pecahan kawasan DUN dan status pengisian unit kediaman yang telah siap dibina adalah adalah seperti **Jadual 1** berikut:-

Bil.	Senarai PPR	Daerah	KADUN	Jumlah Unit	Unit Diisi	Unit Kosong
1	PPR Taman Bagan Jaya	Seberang Perai Utara	Sungai Puyu - N7	382	369	13
2	PPR Taman Manggis	Timur Laut	Padang Kota - N26	320	313	7
3	PPR Mak Mandin	Seberang Perai Tengah	Bagan Jermal N8	70	70	-
4	PPR Tok Subuh	Seberang Perai Tengah	Machang Bubok N14	227	227	-
JUMLAH				999	979	20

Jadual 1: Perincian Projek PPR mengikut pecahan kawasan DUN dan status pengisian unit kediaman yang telah siap dibina sehingga 30 April 2024.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2023 di bawah Program Sentuhan Kasih KP KT telah mengumumkan cadangan pembinaan dua (2) projek PPR di Pongsu Seribu, Kepala Batas (DUN Bertam) di Daerah Seberang Perai Utara dan Kota Giam, Jelutong (DUN Sungai Pinang) di Daerah Timur Laut yang melibatkan peruntukan sebanyak RM100.0 juta bagi setiap projek dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM200 juta.

Pembangunan Projek PPR di Pongsu Seribu, Kepala Batas adalah meliputi cadangan pembangunan 500 unit rumah pangsa. Cadangan pembinaan Projek PPR di Kota Giam melibatkan komponen pembangunan 500 unit rumah pangsa. Kerajaan Negeri telah memohon supaya sebahagian dari unit PPR di Kota Giam tersebut dijadikan unit berkonsepkan studio satu (1) bilik dengan keluasan 450 kaki persegi bagi memenuhi permintaan dan keperluan golongan belia dan bujang di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mengesyorkan cadangan komponen keluasan bercampur bagi pembangunan projek PPR tersebut seperti **Jadual 2** berikut:-

Bil.	Komponen	Keluasan (Kaki Persegi)
1	250 unit rumah (berkeluarga)	650
2	250 unit rumah (belia/bujang)	45

Jadual 2: Cadangan komponen keluasan bercampur bagi pembangunan projek PPR Jelutong.

- (a) Bagi PPR yang telah siap dibina, unit yang telah diisi/ dihuni dan unit yang masih kosong adalah seperti di **Jadual 1**.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

10. Nyatakan jumlah kamera litar tertutup (CCTV) milik MBSP dan MBPP yang telah dipasang di seluruh negeri Pulau Pinang berserta senarai lokasi penempatan kamera tersebut.
 - (a) Daripada jumlah tersebut, berapakah CCTV yang masih aktif dan tidak boleh digunakan? Nyatakan sebab sekiranya ada kamera yang tidak boleh digunakan.

**YB H'NG MOOI LYE
'MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Setakat ini, sebanyak 1,294 unit *Closed-circuit television* (CCTV) telah dipasang di Negeri Pulau Pinang. Jumlah ini merangkumi 1,047 unit di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) manakala 247 unit di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Senarai lokasi penempatan CCTV bagi kawasan MBPP adalah seperti di **Lampiran A**. Manakala bagi Kawasan MBSP adalah seperti di **Lampiran B**.
 - (a) Daripada jumlah 1,047 unit CCTV yang dipasang di kawasan MBPP tersebut, sebanyak 1,015 unit kamera CCTV adalah dimiliki oleh MBPP dan masih aktif manakala sebanyak 32 unit lagi adalah dipasang di bawah projek Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di mana kesemuanya telah tidak berfungsi sejak bulan Jun 2021 dan tidak diselenggara oleh mana-mana pihak kerana tempoh kontrak telah tamat. Walau bagaimanapun, MBPP telah membuat permohonan ke KPKT pada bulan September 2021 untuk menukar ganti kesemua 32 unit kamera CCTV tersebut ke unit yang baharu

dan kini masih menunggu maklum balas daripada pihak KPKT mengenainya.

Bagi MBSP pula, sebanyak 247 unit CCTV telah dipasang di seluruh Seberang Perai. Sebanyak 203 unit CCTV dimiliki oleh MBSP dan masih aktif. Manakala sebanyak 44 unit CCTV di bawah peruntukan KPKT sudah tidak aktif dan telah tamat kontrak sejak tahun 2022. Sehingga kini, perkhidmatan sewaan tersebut tidak disambung semula.

LAMPIRAN A**SENARAI LOKASI PEMASANGAN *CLOSED-CIRCUIT TELEVISION*
(CCTV) OLEH MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)**

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
1.	Lebuh King (Persimpangan Lebuh King / Lebuh Pasar)	2
2.	Lebuh Pasar (Persimpangan Lebuh King / Lebuh Pasar)	2
3.	Persimpangan Lebuh Chulia / Lebuh Cintra	3
4.	Persimpangan Lebuh Light / Jalan Masjid Kapitan Keling	2
5.	Persimpangan Jalan Bawasah / Lorong Swatow	2
6.	Persimpangan Lebuh Farquhar / Lebuh Leith	2
7.	Persimpangan Jalan Burma / Jalan Anson	3
8.	Persimpangan Jalan Gurdwara / Jalan C.Y.Choy	2
9.	Lebuh Noordin (Persimpangan Jalan C.Y.Choy / Lebuh Noordin)	2
10.	Jalan C.Y.Choy (Persimpangan Jalan C.Y.Choy / Lebuh Noordin)	2
11.	Persimpangan Jalan Magazine / Lebuh Mc Nair	3
12.	Persimpangan Jalan Gurdwara / Jalan Trang	4
13.	Persimpangan Jalan Lim Chwee Leong / Lebuh Mc Nair	4
14.	Persimpangan Lebuh Lintang / Lebuh Tek Soon	4
15.	Persimpangan Jalan Lim Chwee Leong / Jalan Ria	3
16.	Jalan Pengkalan Weld (Kawasan Luar Feri)	2
17.	Gat Lebuh Gereja (Persimpangan Pengkalan Weld / Lebuh Gereja)	1
18.	Persimpangan Lebuh Downing / Pengkalan Weld	2
19.	Bulatan Jam Besar	3
20.	Lebuh Bishop (Persimpangan Lebuh Bishop / Lebuh King)	2
21.	Lebuh King (Persimpangan Lebuh Bishop / Lebuh King)	2
22.	Lebuh Light (hadapan Mahkamah Tinggi)	2
23.	Persimpangan Lebuh Light / Jalan Tun Syed Sheh Barakbah	2
24.	Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	2
25.	Persimpangan Jalan Garuda / Jalan Sultan Azlan Shah	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
26.	Jalan Sultan Azlan Shah (Berhadapan Snake Temple)	5
27.	Persimpangan Lebuh Sungai Tiram 1 / Jalan Mayang Pasir	3
28.	Persimpangan Persiaran Bayan Baru	1
29.	Jejantas Queensbay	1
30.	Persiaran Bayan Indah	2
31.	Persimpangan Persiaran Bayan Indah/ Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu	2
32.	Persimpangan Jalan Jelutong /Jalan Sungai Pinang	3
33.	Lebuh Armenian	2
34.	Lebuh Aceh	3
35.	Persiaran Bayan Indah	1
36.	Persimpangan Lebuh Farquhar / Jalan Masjid Kapitan Keling	1
37.	Persimpangan Jalan Penang / Jalan Burma / Jalan Dr. Lim Chwee Leong	2
38.	Persimpangan Jalan Dr Lim Chwee Leong/ Lebuh Lintang	3
39.	Persimpangan Jalan Burma / Jalan Transfer	3
40.	Persimpangan Enam Komtar	4
41.	Persimpangan Jalan Penang / Lebuh Tek Soon	2
42.	Persimpangan Jalan Magazine / Jalan Ria	2
43.	Persimpangan Jalan Macalister /Lorong Madras	3
44.	Upper Penang Road	3
45.	Persimpangan Jalan Penang / Lebuh Chulia	3
46.	Persimpangan Lebuh Pantai / Gat Lebuh China	4
47.	Lebuh Farquhar – Hadapan Hotel E&O	2
48.	Persimpangan Lebuh Campbell / Jalan Pintal Tali	3
49.	Persimpangan Carnarvon / Lebuh Buckingham	2
50.	Persimpangan Jalan Masjid Kapitan Keling /Lebuh Buckingham	2
51.	Persimpangan Jalan Masjid Kapitan Keling / Lebuh Chulia	2
52.	Jejantas Jalan Sultan Ahmad Shah	3
53.	Persimpangan Jalan Burma / Lebuhraya Maktab	3
54.	Persimpangan Persiaran Gurney / Jalan Lim Chin Guan	2
55.	Bulatan Persiaran Gurney – Hawker Center	3
56.	Persiaran Gurney – Gurney Plaza	2
57.	Persimpangan Jalan Masjid Negeri / Jalan Delima	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
58.	Pintu Masuk Terminal Bas Ekspres Sg Nibong	2
59.	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	2
60.	Persimpangan Jalan Bukit Gambir / Jalan Rumbia	2
61.	Persimpangan Jalan Tun Dr Awang / Jalan Bukit Gambir	3
62.	Persimpangan Jalan Rumbia / Lorong Relau 2	2
63.	Persimpangan Jalan Tun Dr Awang / Jalan Kampong Relau	3
64.	Persimpangan Ayer Itam / Jalan Kampung Melayu	3
65.	Persimpangan Jalan Ayer Itam/Jalan Stesen Keretapi Bukit Bendera	2
66.	Persimpangan Jalan Ayer Itam / Jalan Kampung Pisang	2
67.	Persimpangan Jalan Pasar / Laluan Ke Kuil Kek Lok Si	3
68.	Jalan Sungai	1
69.	Terminal Bas Komtar (Camera 1)	1
70.	Terminal Bas Komtar (Camera 2)	1
71.	Love Lane	1
72.	Muntri Street	1
73.	Persiaran Gurney	2
74.	Jejantas Pejalan Kaki Octopus	8
75.	Persiaran Karpal Singh berdekatanan Jambatan Basikal Sungai Pinang	3
76.	Persimpangan Persiaran Karpal Singh/ Lebuh Sungai Pinang 7	3
77.	Persiaran Karpal Singh Hadapan Summer Palace	3
78.	Persimpangan Persiaran Karpal Singh/ Lebuh Sungai Pinang 8	3
79.	Persimpangan Persiaran Karpal Singh/ Lebuh Sungai Pinang 6	3
80.	Persimpangan Persiaran Karpal Singh/ Lebuh Sungai Pinang	3
81.	Persiaran Karpal Singh berberdekatanan Mc Donald	3
82.	Jalan Perusahaan Jelutong berberdekatanan Jetty Perikanan di laluan basikal	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
83.	Jalan Perusahaan Jelutong berberdekatanan kawasan Lapang di laluan basikal	3
84.	Persimpangan Jalan Tanjung Tokong/ Tingkat Hock Hin	3
85.	Persimpangan Jalan Tanjung Tokong / Jalan Seri Tanjung Pinang	3
86.	Persimpangan Jalan Tanjung Bungah / Jalan Gajah	3
87.	Persimpangan Jalan Tanjung Bungah / Jalan Cheah Seng Kim	3
88.	Persimpangan Jalan Tanjung Bungah / Jalan Lembah Permai	3
89.	Persimpangan Jalan Tanjung Bungah / Pesiaran Tanjung Bungah (tentang Masjid Terapung)	3
90.	Persimpangan Jalan Batu Ferringgi/ Jalan Pantai Miami	3
91.	Persimpangan Jalan Batu Ferringgi hadapan Ferringgi Plaza	3
92.	Persimpangan Jalan Batu Ferringgi berdekatan Hotel Lone Pine	3
93.	Persimpangan Jalan Batu Ferringgi berdekatan Ferringgi Nightwalk Bazaar	3
94.	Persimpangan Jalan Batu Ferringgi/ Jalan Sungai 1	3
95.	Jalan Batu Ferringgi berberdekatanan laluan Masuk ke Bayu Senja	3
96.	Jalan Batu Ferringgi bertentangan By The Sea	3
97.	Jalan Batu Ferringgi bertentangan Bayview Beach	3
98.	Jalan Teluk Bahang berdekatan Rumah Rehat	3
99.	Jalan Batu Ferringgi di sebelah pantai berdekatan Rumah Peranginan Kilat Pulau Pinang	3
100.	Jalan Batu Ferringgi di sebelah pantai berdekatan Hard Rock hotel	3
101.	Jalan Batu Ferringgi di sebelah pantai berdekatan Bayu Senja	3
102.	Jalan Batu Ferringgi di sebelah pantai berdekatan Holiday Inn Hotel	3
103.	Jalan Batu Ferringgi di sebelah pantai berdekatan Lone Pine Hotel	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
104.	Jalan Batu Ferringgi di sebelah pantai berdekatan Golden Sand Hotel	3
105.	Jalan Batu Ferringgi di sebelah pantai berdekatan Raya Sayang Hotel	3
106.	Jalan Sungai Emas berdekatan Eden Fairway Condo	3
107.	Jalan Batu Ferringhi Di Sebelah Pantai Berdekatan Bayview Resort	3
108.	Jalan Lembah Permai Berhadapan Ambank	3
109.	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Mayang Pasir	3
110.	Jalan Sultan Azlan Shah - Hadapan Pondok Kawalan Kastam FIZ 1	3
111.	Jalan Sultan Azlan Shah - Laluan masuk IQ Group Holding Bhd	3
112.	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah/Jalan Tengah /Restoran Pelita Bayan Baru	3
113.	Persimpangan Lebuhraya Kampung Jawa/ Jalan Sultan Azlan Shah	3
114.	Persimpangan Lebuhraya Mayang Pasir / Caltex Bukit Gedong	3
115.	Persimpangan Lebuhraya Mayang Pasir / Taman Sri Tunas / Persiaran Mahsuri	4
116.	Persimpangan Jalan Tengah/ Jalan Tun Dr Awang	3
117.	Persimpangan Jalan Kampung Jawa / Lebuh Kampung Jawa/Kilang Fastron	3
118.	Jalan Tun Dr. Awang - Hadapan Hong Leong Bank	3
119.	Persimpangan Lebuh Kampung Jawa/ Lebuhraya Sungai Nibong	3
120.	Persimpangan Lebuh Bukit Jambul / Persiaran Bukit Jambul	3
121.	Persimpangan Jalan Aziz Ibrahim / Jalan Pantai Jerjak 15 /Tapak Pasar Malam Pantai Jerjak	3
122.	Bulatan Queensbay / Gold Coast Condominium Resort	3
123.	Persimpangan Jalan Sungai Dua/ Lorong Sungai Dua	3
124.	Hilir Pemancar hadapan Pasar Tun Sardon	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
125.	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah/ Hilir Pemancar /Kuil Hindu /Perodua Gelugor	3
126.	Persimpangan Tesco / lebuh tunku kudin 1 /jelutong expressway/ e-gate	4
127.	Persimpangan Jalan Masjid Negeri/Jalan Yap Choy Ee	3
128.	Persimpangan Jalan Jelutong / Jalan Madrasah / Caltex	4
129.	Jalan Perusahaan Jelutong / Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu	4
130.	Persimpangan Jelutong Expressway / Gat Lebuh Cecil	3
131.	Persimpangan Gat Lebuh Macallum/ Lintang Lebuh Macallum	4
132.	Persimpangan Gat Lebuh Macallum /Lintang Macallum 2	3
133.	Persimpangan Lebuh Pantai / Gat Lebuh Melayu / Lebuh Melayu	3
134.	Persimpangan Pengkalan Weld/ Gat Lebuh Aceh	3
135.	Persimpangan Pengkalan Weld/ Gat Lebuh Chulia	3
136.	Pengkalan Weld / Kawasan Luar Terminal Feri	4
137.	Persimpangan Lebuh Pantai/Lebuh Bishop	3
138.	Lebuh Duke/ Belakang City Hall	3
139.	Persimpangan Jalan Padang Kota Lama	3
140.	Persimpangan Lebuh Penang/ Lebuh Pasar	3
141.	Persimpangan Lebuh Canon/Jalan Masjid Kapitan Keling	3
142.	Persimpangan Lebuh Carnarvon/ Lebuh Melayu	3
143.	Persimpangan Lebuh Kimberley/ Jalan Pintal Tali	3
144.	Persimpangan Lebuh Kimberley/ Jalan Sungai Ujong	3
145.	Persimpangan Lebuh Kimberley/ Jalan Kuala Kangsar	3
146.	Persimpangan Lebuh Campbell/ Jalan Kuala Kangsar	3
147.	Persimpangan Jalan Penang/Lebuh Dickens	5
148.	Persimpangan Jalan Penang/ Lebuh Muntri	3
149.	Persimpangan Lorong Macalister/Lorong Bertam	3
150.	Persimpangan Lorong Madras/ Jalan Talipon	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
151.	Persimpangan Jalan Macalister /Jalan Zainal Abidin	3
152.	Jalan Macalister berdekatan Red Rock Hotel	3
153.	Jalan Burma Berdekatan 1926 Heritage Hotel	4
154.	Persimpangan Jalan kebun Bunga/ Jalan Gottlieb/ Jalan Utama	3
155.	Persimpangan Jalan Mount Erskine/Gotllieb/Bagan Jermal/Burma	3
156.	Persimpangan Jalan Mount Erskine/ Tingkat Mount Erskine 1	4
157.	Persimpangan Jalan Bagan Jermal / Jalan Tanjung Tokong	3
158.	Persimpangan Jalan Tanjung Tokong / Jalan Fettes	3
159.	Persimpangan Lorong Lembah Permai 3 / Jalan Lembah Permai	3
160.	Persimpangan Jalan Lembah Permai / Lintang Lembah Permai Berberdekatanan UTAR	4
161.	Persimpangan Jalan Cheah Phee Cheok / Jalan Loh Poh Heng	3
162.	Persimpangan Jalan Sungai Kelian /Hillside/ Medan Selera	4
163.	Jalan Tanjung Bungah – berdekatan Paradise Sandy Bay Resort	3
164.	Persimpangan Jalan bunga Pudak / Jalan Sg Kelian (Berdekatan 7-Eleven)	3
165.	Persimpangan Jalan Masjid Negeri / Jalan Ayer Itam - berdekatan Wisma Pengakap Negeri	3
166.	Taman Padang Tembak berdekatan tempat letak kereta	3
167.	Jalan Boundary berdekatan Rifle Range Flat	4
168.	Jalan Kampung Melayu Hadapan Sekolah Kebangsaan Sri Aman	4
169.	Persimpangan Lebuhraya Thean Tiek / Jalan Thean Tiek / Jalan Angsana	3
170.	Lebuhraya Thean Teik berdekatan Hong Leong Bank	3
171.	Lintang Angsana Berdekatan BSN	3
172.	Jalan Paya Terubong / Lebuh Rambai 6	3
173.	Tingkat Paya Terubong 2 berdekatan dengan pondok bas	4

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
174.	Jalan Bukit Kukus berdekatan dengan Sunmoon City	3
175.	Persimpangan Tingkat Paya Terubong 2/ Tingkat Paya Terubong 3	3
176.	Tingkat Paya Terubong 4 berdekatan Suria Vista	3
177.	Jalan Paya Terubong hadapan Green Garden	3
178.	Jalan Lembah Permai (Dari Mount Erskine)	3
179.	Jalan Lembah Permai (Ke Tanjung Bungah)	3
180.	Persimpangan Jalan Paya Terubong/Jalan Tun Sardon	3
181.	Jalan Tun Sardon – berdekatan Anjung Indah	3
182.	Jalan Ismail Cik Mat berdekatan SMK Abdullah Munshi	3
183.	Jalan Tun Sardon – berdekatan Tokong Cina	3
184.	Jalan Tun Sardon – berdekatan Terminal Bas Rapid	3
185.	Persimpangan Jalan Tun Sardon/Lintang Bukit Penara 3	3
186.	Persimpangan Jalan Pondok Upih/Jalan Tun Sardon	3
187.	Jalan Balik Pulau – Hadapan Kedai Ceria 99	3
188.	Persimpangan Jalan Sungai Pinang/Jalan Balik Pulau	3
189.	Jalan Paya Kongsi – berdekatan Park Villey	3
190.	Persimpangan Jalan Sungai Pinang/Jalan Bharu/Jalan Sungai Rusa	3
191.	Persimpangan Jalan Sungai Rusa/Jalan Sungai Air Putih	3
192.	Persimpangan Jalan Bharu/Jalan Sungai Nipah	3
193.	Kem Bina Negara Balik Pulau (Pekan Pulau Betong)	3
194.	Hadapan Kompleks Sukan Balik Pulau	3
195.	Jalan Balik Pulau – berdekatan Kedai Perniagaan One Eight	3
196.	Jalan Balik Pulau berdekatan Masjid Daerah Barat Daya	3
197.	Jalan Pondok Upih – Hadapan MRSM	3
198.	Persimpangan Jalan Balik Pulau / Jalan Teluk Kumbar	3
199.	Jalan Sultan Azlan Shah – Hadapan S.J.K © Kwang Hwa	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
200.	Persimpangan Jalan Batu Maung/Lintang Batu Maung	3
201.	Persimpangan Jalan Batu Maung/Jalan Baru Batu Maung	3
202.	Persimpangan Lebuhraya Tun Dr Lik Chong Eu/Persiaran Bayan Lepas	3
203.	Persimpangan Lintang Bayan Lepas/Lintang Bayan Lepas 2	3
204.	Persimpangan Lintang Bayan Lepas/Hilir Sungai Keluang 1	3
205.	Persimpangan Hilir Sungai Keluang 2/Hilir Sungai Keluang 1	3
206.	Persimpangan Hilir Sungai Keluang 3/Hilir Sungai Keluang 4	3
207.	Persimpangan Hilir Sungai Keluang 2/Hilir Sungai Keluang 4	3
208.	Persimpangan Lorong Sungai Tiram 1/Lorong Sungai Tiram	3
209.	Persimpangan Jalan Kampung Jawa/Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu	3
210.	Persimpangan Jalan Tun Dr Awang/Persiaran Paya Terubong 5/Jalan Dato Ismail Hashim	4
211.	Jalan Bukit Gambir – Hadapan Pintu Masuk USM	3
212.	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah/Jalan Sungai Dua	4
213.	Jalan Masjid Negeri – Bulatan Udini	4
214.	Jalan Panchor Berdekatan Dengan Apartment	3
215.	Persimpangan Jalan Perak/Jalan Lenggong/Jalan Van Praagh	3
216.	Persimpangan Jalan Jelutong/Jalan Lenggong	3
217.	Jalan Terengganu Berdekatan Medan Selera Taman Free School	3
218.	Persimpangan Jalan P.Ramlee/Jalan Sg. Pinang/Jalan Perak	4
219.	Persimpangan Jalan Dato Keramat/Jalan Air Itam/Jalan Perak	3
220.	Terminal Bas Komtar	3
221.	Persimpangan Pengkalan Weld Quay/Gat Jalan Prangin	4
222.	Hadapan Dewan Undangai Negeri (Dun) 1	3
223.	Hadapan Dewan Undangai Negeri (Dun) 2	3
224.	Persimpangan Jalan Transfer/Jalan Argyll	4

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
225.	Persimpangan Jalan Sultan Ahmad Shah/Jalan Transfer	3
226.	Persimpangan Jalan Terengganu/Jalan P.Ramlee	3
227.	Persimpangan Jalan Burma/Lorong Burma	3
228.	Persimpangan Persiaran Kuari/Lengkok Jesselton	4
229.	Persimpangan Persiaran Kuari/Taman Belia	3
230.	Persimpangan Kuari Berdekatan Dengan Tempat Letak Kereta	2
231.	Persiaran Kuari – berdekatan Padang	3
232.	Persimpangan Jalan Kebun Bungah/Persiaran Kuari	3
233.	Kebun Bungah Hadapan Tempat Parkir	3
234.	Rizab Sungai Jalan Bagan Jemai 1	3
235.	Rizab Sungai Jalan Bagan Jemai 2	3
236.	Persimpangan Jalan Lembah Permai/Jalan Fettes/Lebuhraya Halia/Jalan Mount Erskine	3
237.	Persimpangan Lorong Abbas 1 / Lorong Abbas 2	2
238.	Lorong Abbas 2 berdekatan Pantai	2
239.	Bulatan Jalan Hassan Abbas/Jalan Teluk Bahang	4
240.	Parkir Ahli Majlis Komtar	2
241.	Pasar Awam Bayan Baru	3
242.	Persimpangan Jalan Jelutong/Lorong Perak	3
243.	Jejantas Pejalan Kaki Octopus	3
244.	Jalan Sungai Rusa – berdekatan Sekolah Kebangsaan Titi Teras	3
245.	Persimpangan Jalan Paya Terubong / Jalan Berkembar Bukit Kukus	2
246.	Persimpangan Jalan Lembah Hilir Pemancar	2
247.	Jalan Batu Ferringgi Hadapan Bayu Ferringgi	1
248.	Jalan Batu Ferringgi Hadapan Double Tree Resort	1
249.	Jalan Permatang Damar Laut – berdekatan Kampung Binjai	3
250.	Persimpangan Lebuhraya Batu Maung / Lebuhraya Batu Maung 2	3
251.	Berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	2
252.	Jalan Sultan Azlan Shah (Jejantas Pejalan Kaki)	6
253.	Persimpangan Jalan Perak / Jalan Free School	3
254.	Terminal Feri Pangkalan Raja Tun Uda	8
255.	Persimpangan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu / Jalan Batu Uban	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
256.	Persimpangan Jalan Lim Eow Thoon / Jalan Nirwana	3
257.	Persimpangan Jalan Delima / Lorong Delima 10	3
258.	Jalan Masjid Negeri (Jejantas Pejalan Kaki)	6
259.	Jalan Gangsa (Hadapan Apartment Jay Series)	3
260.	Jalan Masjid Negeri Berdekatan Penang Free School (Jejantas Pejalan Kaki)	6
261.	Persimpangan Jalan Air Itam / Jalan Masjid Negeri	5
262.	Persimpangan Jalan Air Itam / Jalan Masjid Negeri	5
263.	Persimpangan Lorong Batu Lanchang / Lebuhraya Thean Teik	3
264.	Jalan Shaik Madar (Sungai Air Itam / Sungai Dondang)	3
265.	Jalan Zoo (Sungai Air Itam)	3
266.	Persimpangan Jalan Balik Pulau / Jalan Ayer Itam	3
267.	Bulatan Jalan Ayer Itam / Jalan Bukit Bendera / Jalan Khoo Hye Keat	3
268.	Jalan Goh Guan Ho – berdekatan Taman Lumba Kuda	3
269.	Lorong Perak – berdekatan Yee Tai Kopitiam	3
270.	Jalan Tanjong Tokong (Belakang Pasaraya Lotus's)	1
271.	Lilitan Stadium – berdekatan Sungai Pinang	3
272.	Jalan Langkawi – berdekatan Taman Rampas	3
273.	Persimpangan Jalan Dato Keramat / Lorong Kebun Nyiur	3
274.	Persimpangan Jalan Merican / Jalan Pahang	3
275.	Persimpangan Jalan Perak / Jalan Lim Eow Toon	3
276.	Persimpangan Jalan Anson / Jalan Logan	3
277.	Persimpangan Sultan Ahmad Shah / Lebuh Farquhar	3
278.	Persimpangan Jalan Larut / Jalan Argyll	3
279.	Persimpangan Lebuhraya Pykett / Lorong Pykett	3
280.	Jalan Utama (Hospital Pulau Pinang)	4
281.	Persimpangan Lebuhraya Peel / Jalan Macalister / Lebuhraya Codrington	4
282.	Persiaran Gurney – berdekatan Bulatan Gurney	2
283.	Rumah Pam, Jalan Hilir Sungai Pinang	1
284.	Rumah Pam, Jalan Makloom	1

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
285.	Rumah Pam, Jalan Ismail Cik Mat	1
286.	Jalan Munshi Abdullah (berberdekatanan Rumah Flat)	1
287.	Straits Green Park by The Sea (Jalan Tanjong Tokong)	3
288.	Jalan Hassan Abas (Sungai Teluk Bahang)	3
289.	Bukit Bendera (Viaduct Station)	3
290.	Bukit Bendera (Upper Station)	3
291.	Bukit Bendera (Lower Station)	3
292.	Padang Kota Lama (berberdekatanan Tugu)	2
293.	Gurney (berberdekatanan perhentian bas)	2
294.	Jalan Penang	1
295.	Karpal Singh Drive (Berberdekatanan Starbucks)	1
296.	Jeti	2
297.	Queensbay (Jejantas pejalan kaki)	2
298.	Stesen Bas Komtar Laluan Pejalan Kaki Ke Stesen Bas Komtar	2
299.	Perangin Mall (Laluan pejalan kaki)	1
300.	Laluan keluar masuk tapak pasar malam Batu Feringghi	1
301.	Taman Botani	1
302.	Laluan masuk Bukit Bendera	1
303.	Laluan pejalan kaki Kompleks Bukit Jambul	1
304.	Jalan Penang Bersebelahan Jejantas	1
305.	Persimpangan Jalan Penang/Lebuh Teik Soon	1
306.	Persimpangan Lebuhraya Thean Teik/Jalan Paya Terubong (Hadapan Shell)	3
307.	Persimpangan Jalan Air Putih / Jalan Air Itam	3
308.	Persimpangan Jalan Air Putih / Jalan Taman Ria	3
309.	Berberdekatanan pasar malam Batu Feringghi	1
310.	Persimpangan Jalan Masjid Negeri/Jalan Delima	1
311.	Persimpangan Jalan Tanjong Tokong/ Tingkat Hock Hin	1
312.	Persimpangan Jalan Tanjong Tokong / Jalan Seri Tanjong Pinang	1
313.	Puncak Bukit Mutiara	1
314.	Persimpangan Jalan Tanjong Bungah / Jalan Cheah Seng Kim	1
315.	Lorong Lembah Permai 3 / Jalan Lembah Permai	1
316.	Persimpangan Jalan Batu Ferringgi Berdekatan Hotel Lone Pine	1

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
317.	Jalan Batu Ferringgi Bertentangan Bayview Beach	1
318.	Jalan Sungai Emas Berdekatan Eden Fairway Condo	1
319.	Jalan Batu Ferringgi Berdekatan Laluan Masuk Ke Bayu Senja	1
320.	Jalan Mount Erskine / Tingkat Mount Erskine 1 (Ng Hock Seng Estate)	1
321.	Persimpangan Jalan Kebun Bunga / Jalan Gottlieb / Jalan Utama	1
322.	Penang Hill (Upper Tunnel Station)	1
323.	Lintang Angsana Berdekatan BSN	1
324.	Bukit Penara	1
325.	Persimpangan Lebuh Bukit Jambul / Persiaran Bukit Jambul	1
326.	Berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	1
327.	Persimpangan Jalan Tengah / Jalan Tun Dr. Awang	1
328.	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	1
329.	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Hilir Pemancar / Kuil Hindu / Perodua Glugor	1
330.	Persimpangan Jalan Masjid Negeri / Jalan Ayer Hitam / Wisma Pengakap Negeri	1
331.	Jalan Lembah Permai – berdekatan Apartment Permai Ria)	1
332.	Persimpangan Jalan Tanjung Tokong / Jalan Desiran Tanjung 1	3
333.	Bulatan Jalan Desiran Tanjung 1 / Jalan Desiran Tanjung / Jalan Seri Tanjung Pinang 1	3
334.	Persimpangan Jalan Permatang Damar Laut / Jalan Muzium Perang	3
335.	Persimpangan Jalan Permatang Damar Laut / Jalan Teluk Tempoyak	3
336.	Persimpangan Persiaran Pantai Jerjak 4 / Lebuh Pantai Jerjak 1	3
337.	Persimpangan Lebuh Sungai Pinang / Lebuh Sungai Pinang 1	3
338.	Persimpangan Lebuh Sungai Pinang / Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu	3

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
339.	Selekoh Jalan Peter Paul Dason	3
340.	Persimpangan Jalan Hamilton / Lintang Hijau	3
341.	Persimpangan Jalan Van Praagh / Jalan Sir Ibrahim	3
342.	Persimpangan Jalan Van Praagh / Solok Slim	3
343.	Persimpangan Persiaran Relau / Cangkat Sungai Ara 19	3
344.	Persimpangan Persiaran Relau / Lintang Sungai Ara 7	3
345.	Persiaran Bayan Indah – Queens Waterfront (Fasa 1)	3
346.	Persimpangan Jalan Tun Dr. Awang / Persiaran Mahsuri	3
347.	Bulatan Persiaran Mahsuri	3
44	Taman Kota Permai	Taman Kota Permai		5.337536	100.457656	0.215	0.1 - 0.3	T44	JPS/PDT/MBSP/JKR	1. KAJIAN BAHARU
45	Taman Sejahtera	Taman Sejahtera		5.338936	100.488144	0.041	0.1 - 0.3	T45	MBSP	1. RTB TAMAN SEJAHTERA
46	Taman Sejahtera Permai	Taman Sejahtera Permai		5.331425	100.497767	0.02	0.1 - 0.3	T46	MBSP	1. RTB TAMAN SEJAHTERA
47	Taman Selamat	Taman Selamat		5.326631	100.486308	0.007	0.1 - 0.3	T47	MBSP	1. MENAIK TARAF SALIRAN
48	Taman Permai Jaya		Taman Permai Jaya	5.336903	100.463442	0.001	0.1 - 0.3	T48	MBSP	1. RUMAH PAM PERMAI JAYA
49	Jalan Bukit Minyak (Hadapan SMK Alma)	Jalan Bukit Minyak (Hadapan SMK Alma)		5.336453	100.458631	0.095	0.1 - 0.3	T49	JKR/JPS	1. KAJIAN KILANG UBI (JKR/JPS)
50	Kampung Telok	Kampung Telok		5.335003	100.457581	0.004	0.1 - 0.3	T50	RAC/JPS/PDT	1. MENAIK TARAF SALIRAN
51	Kg. Kijang	Kg. Kijang		5.328181	100.471692	0.011	0.1 - 0.3	T51	JPS/PDT	1. MENAIK TARAF SALIRAN
BIL	KAWASAN BANJIR	STATUS HOTSPOT BANJIR (BANJIR LEBIH 2 KALI SETAHUN)	STATUS BERISIKO BANJIR	KOORDINAT KAWASAN BANJIR	KELUASAN KAWASAN BANJIR (KM ²)	KEDALAMAN KAWASAN BANJIR (M)	ID DAERAH	AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	PROJEK TEBATAN BANJIR YANG DILAKUKAN/CADANGAN OLEH JABATAN	
52	Kg. Kebun Sireh		Kg. Kebun Sireh	5.363028	100.438081	0.97	0.1 - 0.3	T52	JPS/PDT	1. RTB PARIT 4
53	Taman Binjai		Taman Binjai	5.347175	100.443258	0.153	0.1 - 0.3	T53	MBSP	1. RTB PARIT 4
54	Kg. Kebun Nenas		Kg. Kebun Nenas	5.342864	100.431664	0.017	0.1 - 0.3	T54	JPS/PDT	1. RTB PARIT 4
55	Taman Cempedak		Taman Cempedak	5.361497	100.445278	0.021	0.1 - 0.3	T55	MBSP	1. MENAIK TARAF SALIRAN
56	Kawasan Industri Juru		Kawasan Industri Juru	5.319314	100.433169	0.034	0.1 - 0.3	T56	MBSP	1. MENAIK TARAF SALIRAN
57	Taman Sentul		Taman Sentul	5.319611	100.441856	0.046	0.1 - 0.3	T57	JPS/MBSP	1. RTB PARIT 5
58			Taman Mangga	5.313381	100.439836	0.081	0.1 - 0.3	T58	JPS/MBSP	1. RTB PARIT 5
59	Taman Kerjasama		Taman Kerjasama	5.357267	100.428044	0.044	0.1 - 0.3	T59	MBSP	1. MENAIK TARAF SALIRAN
60	Kg. Tok Panjang	Kg. Tok Panjang		5.356725	100.426667	0.024	0.1 - 0.3	T60	JPS/PDT	1. KAJIAN KG.TOK PANJANG
61	Kg. Manggis		Kg. Manggis	5.293267	100.485169	0.014	0.1 - 0.3	T61	JPS/PDT	1. MENAIK TARAF SALIRAN
62	Kg. Kuala Tasek		Kg. Kuala Tasek	5.298333	100.498981	0.069	0.1 - 0.3	T62	JPS/PDT	1. MENAIK TARAF SALIRAN
63	Taman Machang Bubuk	Taman Machang Bubuk		5.334253	100.509531	0.044	0.1 - 0.3	T63	MBSP	1. MENAIK TARAF SALIRAN
64	Kampung Machang Bubuk		Kampung Machang Bubuk	5.340483	100.5147	0.03	0.1 - 0.3	T64	JPS/PDT	1. MENAIK TARAF SALIRAN
65	Kg. Tok Musa		Kg. Tok Musa	5.331844	100.51235	0.075	0.1 - 0.3	T65	JPS/PDT	1. BORDER KULIM/SPT
66	Taman Machang Manis		Taman Machang Manis	5.347083	100.523539	0.123	0.1 - 0.3	T66	MBSP	1. MENAIK TARAF SALIRAN
67	Kg. Tok Konan		Kg. Tok Konan	5.336675	100.514931	0.102	0.1 - 0.3	T67	JPS/PDT	1. BORDER KULIM/SPT
68	Bukit Teh		Bukit Teh	5.310683	100.506906	0.075	0.1 - 0.3	T68	JPS/PDT	1. BORDER KULIM/SPT
69	Kg. Berangan Sembilan		Kg. Berangan Sembilan	5.318372	100.510975	0.058	0.1 - 0.3	T69	JPS/PDT	1. BORDER KULIM/SPT

BIL	KAWASAN BANJIR	STATUS HOTSPOT BANJIR (BANJIR LEBIH 2 KALI SETAHUN)	STATUS BERISIKO BANJIR	KOORDINAT KAWASAN BANJIR		KELUASAN KAWASAN BANJIR (KM ²)	KEDALAMAN KAWASAN BANJIR (M)	ID DAERAH	AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	PROJEK TEBATAN BANJIR YANG DILAKUKAN/CADANGAN OLEH JABATAN
70	Taman Jambu		Taman Jambu	5.333169	100.513047	0.019	0.1 - 0.3	T70	MBSP	1. MENAIK TARAF SALIRAN
71	Kampung Tasik Junjung	Kampung Tasik Junjung		5.29631	100.52602	0.036	0.1 - 0.3	T71	JPS/PDT	1. NAIKTARAF SALIRAN DALAMAN 2. NAIKTARAF SALIRAN
72	Kg. Tok Subuh		Kg. Tok Subuh	5.324372	100.463722	0.02	0.1 - 0.3	T72	JPS/PDT	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI
73	Taman Impian	Taman Impian		5.312869	100.481497	0.123	0.1 - 0.3	T73	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
74	Taman Sukun	Taman Sukun		5.315481	100.468428	0.047	0.1 - 0.3	T74	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
75	Taman Amra	Taman Amra		5.316056	100.466875	0.029	0.1 - 0.3	T75	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
76	Taman Asas Murni	Taman Asas Murni		5.316817	100.464394	0.087	0.1 - 0.3	T76	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
77	Taman Alma Ria	Taman Alma Ria		5.324928	100.489006	0.013	0.1 - 0.3	T77	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
78	Taman Sukun Indah	Taman Sukun Indah		5.319064	100.469939	0.043	0.1 - 0.3	T78	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
79	Taman Seri Impian	Taman Seri Impian		5.320669	100.480511	0.079	0.1 - 0.3	T79	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
80	Taman Markisah		Taman Markisah	5.317744	100.463481	0.069	0.1 - 0.3	T80	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
81	Taman Seri Kijang		Taman Seri Kijang	5.319081	100.474181	0.037	0.1 - 0.3	T81	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP 3. RTB KOLAM ALMA
82	Taman Usaha	Taman Usaha		5.304264	100.474642	0.021	0.1 - 0.3	T82	MBSP	1. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP
83	Taman Perusahaan Usaha Jaya	Taman Perusahaan Usaha Jaya		5.301986	100.4737	0.013	0.1 - 0.3	T83	MBSP	1. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP
84	Kawasan Perindustrian Ringan Pmtg. Tinggi (Jalan Pala)	Kawasan Perindustrian Ringan Pmtg. Tinggi (Jalan Pala)		5.306772	100.475897	0.015	0.1 - 0.3	T84	MBSP	1. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP
85	Taman Impian Indah	Taman Impian Indah		5.313325	100.484414	0.027	0.1 - 0.3	T85	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. PEMBINAAN RUMAH PAM 3. RTB KOLAM ALMA
86	Taman Impian Ria	Taman Impian Ria		5.310389	100.484383	0.103	0.1 - 0.3	T86	JPS/MBSP	1. RTB SUNGAI JUNJUNG MATI 2. PEMBINAAN RUMAH PAM 3. RTB KOLAM ALMA
87	Perkampungan Pmtg. Tinggi		Perkampungan Pmtg. Tinggi	5.300678	100.478044	0.017	0.1 - 0.3	T87	JPS/PDT	1. RTB PARIT 4, PERMATANG TINGGI 2. MENAIK TARAF SISTEM SALIRAN
88	Kawasan Perindustrian Perai		Kawasan Perindustrian Perai	5.3634	100.386042	0.036	0.1 - 0.3	T88	MBSP	1. KAJIAN MITIGASI BANJIR MBSP

BIL	KAWASAN BANJIR	STATUS HOTSPOT BANJIR (BANJIR LEBIH 2 KALI SETAHUN)	STATUS BERISIKO BANJIR	KOORDINAT KAWASAN BANJIR		KELUASAN KAWASAN BANJIR (KM ²)	KEDALAMAN KAWASAN BANJIR (M)	ID DAERAH	AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	PROJEK TEBATAN BANJIR YANG DILAKUKAN/CADANGAN OLEH JABATAN
89	Kampung Dock	Kampung Dock		5.346314	100.422189	0.061	0.1 - 0.3	T89	JPS/PDT	1. KAJIAN KG.DOCK
90	Cherok Tok Kun		Cherok Tok Kun	5.347792	100.48398	0.006	0.1 - 0.3	T90	JKR/MBSP	1. MENAIK TARAF SALIRAN DALAMAN

BIL	KAWASAN BANJIR	STATUS HOTSPOT BANJIR (> 2 KALI SETAHUN)	STATUS BERISIKO BANJIR	LAT	LONG	KELUASAN KAWASAN BANJIR (km2)	KEDALAMAN KAWASAN BANJIR (m)	ID_DAERAH	AGENSI	PROJEK TEBATAN BANJIR YANG DILAKUKAN/CADANGAN OLEH JABATAN
1	SK Convent Butterwoth		SK Convent Butterwoth	5.396456	100.367725	0.002	0.1 - 0.3	U4	JPS/MBSP/JKR	1. RTB SUNGAI NYIUR (JPS) TARAF SALIRAN 2. MENAIK TARAF SALIRAN
2	Jalan Sungai Nyiur	Jalan Sungai Nyiur		5.402181	100.376667	0.029	0.1 - 0.3	U5	JKR	MENAIK TARAF SALIRAN
3	Jalan Siram		Jalan Siram	5.406681	100.377	0.005	0.1 - 0.3	U6	MBSP/JKR	MENAIK TARAF SALIRAN
4	Kampung Tok Sani	Kampung Tok Sani		5.435906	100.406781	0.1	0.1 - 0.3	U7	JPS/PDT	MENAIK TARAF SALIRAN
5	Taman Puyu		Taman Puyu	5.436297	100.399069	0.035	0.1 - 0.3	U8	MBSP	MENAIK TARAF SALIRAN (SIAP)
6	SRJK(T) Mak Mandin		SRJK(T) Mak Mandin	5.419947	100.392375	0.51	0.1 - 0.3	U9	JPS/MBSP/JKR	1. RTB MAK MANDIN 2. MENAIK TARAF SALIRAN (TAMAN DAN JALAN)
7	SK Mak Mandin		SK Mak Mandin	5.419947	100.392375	0.51	0.1 - 0.3	U9	JPS/MBSP/JKR	1. RTB MAK MANDIN 2. MENAIK TARAF SALIRAN (TAMAN DAN JALAN)
8	SMK Mak Mandin		SMK Mak Mandin	5.419947	100.392375	0.51	0.1 - 0.3	U9	JPS/MBSP/JKR	1. RTB MAK MANDIN 2. MENAIK TARAF SALIRAN (TAMAN DAN JALAN)
9	Kawasan Perindustrian Mak Mandin		Kawasan Perindustrian Mak Mandin	5.419947	100.392375	0.51	0.1 - 0.3	U9	JPS/MBSP/JKR	1. RTB MAK MANDIN 2. MENAIK TARAF SALIRAN (TAMAN DAN JALAN)
10	Pejabat POS Mak Mandin		Pejabat POS Mak Mandin	5.419947	100.392375	0.51	0.1 - 0.3	U9	JPS/MBSP/JKR	1. RTB MAK MANDIN 2. MENAIK TARAF SALIRAN (TAMAN DAN JALAN)
11	Flat Hijau		Flat Hijau	5.419947	100.392375	0.51	0.1 - 0.3	U9	JPS/MBSP/JKR	1. RTB MAK MANDIN 2. MENAIK TARAF SALIRAN (TAMAN DAN JALAN)
12	Klinik Kesihatan Mak Mandin		Klinik Kesihatan Mak Mandin	5.419947	100.392375	0.51	0.1 - 0.3	U9	JPS/MBSP/JKR	1. RTB MAK MANDIN 2. MENAIK TARAF SALIRAN (TAMAN DAN JALAN)
13	Kampung Malaysia		Kampung Malaysia	5.419947	100.392375	0.51	0.1 - 0.3	U9	JPS/MBSP/JKR	1. RTB MAK MANDIN 2. MENAIK TARAF SALIRAN (TAMAN DAN JALAN)
14	Taman Bagan		Taman Bagan	5.410186	100.382911	0.1	0.1 - 0.3	U10	MBSP	RTB MAK MANDIN
15	Taman Cantek	Taman Cantek		5.416142	100.382986	0.1	0.1 - 0.3	U11	MBSP/JKR	MENAIK TARAF SALIRAN(MBSP) & JAMBATAN (JKR)
16	Taman Kerapu	Taman Kerapu		5.409136	100.400144	0.42	0.1 - 0.6	U12	MBSP	KAJIAN REKABENTUK RUMAH PAM
17	Taman Bunga Raya		Taman Bunga Raya	5.434581	100.384194	0.03	0.1 - 0.3	U13	MBSP	RTB TAMAN BUNGA RAYA (PAKEJ 1)
18	Taman Sintat		Taman Sintat	5.434581	100.384194	0.03	0.1 - 0.3	U13	MBSP	RTB TAMAN BUNGA RAYA (PAKEJ 1)
19	Jalan Thambi Kecil		Jalan Thambi Kecil	5.434581	100.384194	0.03	0.1 - 0.3	U13	MBSP	RTB TAMAN BUNGA RAYA (PAKEJ 1)
20	Taman Teratai		Taman Teratai	5.438689	100.389836	0.04	0.1 - 0.3	U14	MBSP/JKR	MENAIK TARAF SALIRAN
21	Kampung Manggis	Kampung Manggis		5.44335	100.400683	0.1	0.1 - 0.3	U20	JPS/PDT	MENAIK TARAF SALIRAN
22	Taman Selayang Utama	Taman Selayang Utama		5.449481	100.39555	0.002	0.1 - 0.3	U21	MBSP/JKR	MENAIK TARAF SALIRAN

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

19. Adakah perkhidmatan lif akan ditambah di Jeti Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth untuk membantu lebih ramai golongan OKU dan warga emas menggunakan perkhidmatan feri terutama pada waktu kemuncak yang terpaksa menunggu lama untuk menggunakan lif?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Terminal Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH) telah dinaik taraf dengan dilengkapi kemudahan lif untuk memudahkan penumpang feri bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dan warga emas. Selain itu, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) juga menyediakan kemudahan tangga sebagai alternatif yang memenuhi spesifikasi keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Mengikut statistik, pengendalian penumpang OKU adalah kira-kira seramai 14 orang penumpang daripada 3000 orang penumpang yang menggunakan perkhidmatan feri setiap hari. Oleh yang demikian, PPSB berpandangan sebuah lif yang disediakan adalah mencukupi untuk keperluan penumpang OKU dan warga emas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

20. Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi membendung kegiatan lumba haram dan mat rempit di kalangan belia yang telah menyebabkan pelbagai insiden dan kacau ganggu kepada pengguna jalan raya yang lain?
- (a) Nyatakan senarai kawasan tumpuan aktiviti lumba haram dan tindakan yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Bagi membendung kegiatan lumba haram dan mat rempit di kalangan belia yang telah menyebabkan pelbagai insiden dan kacau ganggu kepada pengguna jalan raya yang lain, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang telah mengambil pelbagai langkah seperti berikut:
- (i) Membuat operasi secara kolaborasi dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) seperti operasi premis kedai yang mengubahsuai motosikal dan lain-lain penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang;
- (ii) Berbincang dan memberi cadangan kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam aspek teknikal ke atas jalan raya agar lokasi tersebut tidak menjadi trek perlumbaan dan sebagainya;
- (iii) Membuat operasi bersepadu sepanjang hujung minggu dan Hari Kelepasan Am seperti sekatan jalan raya oleh pihak trafik

- dan rondaan secara 24 jam oleh kereta peronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB);
- (iv) Selain langkah penguatkuasaan, pihak PDRM juga melaksanakan langkah secara pendidikan untuk jangka masa yang panjang ke atas remaja yang meningkat dewasa. Pihak PDRM telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewujudkan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di mana program “MESRA” telah diwujudkan. Melalui program ini, pihak PDRM akan memberi ceramah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah seluruh negeri Pulau Pinang mengikut silibus yang telah dikeluarkan.
- (a) Berdasarkan rekod pihak PDRM, lokasi tumpuan samseng jalanan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Timur Laut

- (i) Padang Kota Lama;
- (ii) Lebuhraya Tun Dr. Lim Choong Eu (E-Gate);
- (iii) Jalan Bukit Gambir; dan
- (iv) Jalan Sultan Azlan Shah (Sunny Point).

Barat Daya

- (i) Jalan Mahsuri/ Jalan Mayang Pasir (Sunshine);
- (ii) Lebuhraya Tun Dr. Lim Choong Eu (Seagate);
- (iii) Jalan Tun Dr. Awang; dan
- (iv) Bulatan Bayan Baru.

Seberang Perai Utara

- (i) Lingkaran Luar Butterworth (LLB); dan
- (ii) Lebuhraya PLUS (Jejambat Kampung Teluk).

Seberang Perai Tengah

- (i) Butterworth-Kulim Expressway (BKE); dan
- (ii) Lebuhraya PLUS (Sama Gagah).

Seberang Perai Selatan

- (i) Jalan Batu Kawan; dan

- (ii) Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Pihak PDRM juga menjalankan tindakan penguatkuasaan bagi membendung isu ini. Berikut adalah statistik operasi/ saman/ sita dan tangkapan yang telah dijalankan oleh PDRM Pulau Pinang pada tahun 2023 dan 2024 (sehingga April 2024) seperti berikut:

2023

- (i) Jumlah operasi samseng jalanan pada tahun 2023: 433 kali;
- (ii) Jumlah saman dikeluarkan semasa operasi samseng jalanan pada tahun 2023: 11,186 keping;
- (iii) Jumlah motosikal disita semasa operasi samseng jalanan: 2,384 buah; dan
- (iv) Jumlah tangkapan di bawah Sek. 42 (1) APJ 1987: 97 orang.

Jan - April 2024

- (i) Jumlah operasi samseng jalanan pada tahun 2024: 105 kali;
- (ii) Jumlah saman dikeluarkan semasa operasi samseng jalan pada tahun 2024: 2,561 keping;
- (iii) Jumlah motosikal disita semasa operasi samseng jalanan: 497 buah; dan
- (iv) Jumlah tangkapan di bawah Sek. 42 (1) APJ 1987: 48 orang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

21. Kerajaan Negeri telah menerima satu geran daripada JICA dengan kerjasama Kerajaan Kawasaki, Jepun untuk kajian masalah sumber air di negeri Pulau Pinang. Nyatakan jumlah nilai geran, urusan kajian dan hasil terkini.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama pihak JICA bagi *Project for Establishment of Circular Society in Water Resources Management Sector in Penang State* pada bulan Oktober 2021. Belanjawan projek ini adalah dibiayai oleh JICA dengan nilai sebanyak RM1,507,400.00 dimana bajet ini adalah merangkumi imbuhan tenaga pakar, perbelanjaan perjalanan termasuk lawatan ke Jepun dan Pulau Pinang serta lain-lain kos yang berkaitan.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kakitangan pentadbiran dan perniagaan swasta serta memperkuuhkan pentadbiran di negeri Pulau Pinang, untuk pembinaan pelan induk bagi melaksanakan pengurusan sumber air berasaskan sains, pengurusan air yang cekap termasuk sistem kitar semula air dalam sistem pembetungan dan mengurangkan masalah pencemaran air.

Sesi pertemuan dan pembentangan pihak JICA bersama YAB Ketua Menteri telah diadakan pada 1 Mac 2024 yang lalu. Hasil daripada pertemuan tersebut, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju untuk memberikan JICA untuk meneruskan kajian mereka dan akan dipantau oleh YB Exco Perumahan dan Alam Sekitar. Pada masa kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi-agensi

berkaitan telah mengemukakan data kepada pihak JICA bagi tujuan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

22. Bilakah Kerajaan Negeri akan mula melaksanakan pemberian bantuan RM1,000 kepada setiap jemaah haji dari golongan B40 yang akan menunaikan ibadah Rukun Islam kelima itu?
- (a) Nyatakan apakah syarat dan kriteria yang akan digunakan untuk menentukan kelayakan pemberian bantuan tersebut.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Cadangan pemberian bantuan RM1,000 kepada 487 orang jemaah haji dari golongan B40 Pulau Pinang akan dilaksanakan pada tahun 2024. Namun terdapat sedikit kelewatan proses pemberian disebabkan kelewatan menerima senarai nama jemaah haji B40 daripada pihak Tabung Haji.

Pada masa ini pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dalam proses menyelaraskan data-data jemaah haji bersama pihak Tabung Haji Pulau Pinang bagi menyediakan kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

- (a) Antara syarat kelayakan bagi pemberian bantuan RM1,000.00 kepada jemaah haji golongan B40 adalah seperti berikut:
- (i) Warganegara Malaysia;
(ii) Pengundi di Pulau Pinang; dan
(iii) Berumur 45 Tahun ke atas

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

23. Apakah status pelaksanaan Skim Perumahan Sewa Khas kepada golongan belia atau bujang di negeri ini?
- (a) Nyatakan berapakah jumlah golongan beliau atau bujang yang telah menerima manfaat tersebut.
 - (b) Senaraikan projek perumahan yang terlibat dalam Skim Perumahan Sewa Khas berkenaan.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jelutong yang akan dibangunkan di atas Petak B, Seksyen 1, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang merupakan projek perintis Skim Perumahan Sewa Khas (SPSK) kepada golongan belia atau bujang di Negeri Pulau Pinang. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dimaklumkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bahawa lantikan kontraktor akan dilaksanakan sebaik sahaja selesai kajian nilai dan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri diperoleh.
- (a) Memandangkan SPSK ini masih di peringkat kerja awalan, skim ini dijangka akan memanfaatkan sebilangan besar golongan belia atau bujang di Pulau Pinang sebaik sahaja skim ini dilancarkan.
 - (b) Setakat ini, hanya PPR Jelutong yang terlibat dengan pelaksanaan SPSK. Cadangan projek ini adalah selaras dengan Manifesto Kerajaan Perpaduan Pulau Pinang 2023 bagi menyokong keperluan Kerajaan Negeri untuk dicadang dan dijadikan sebagai unit-unit sewa kepada golongan belia atau bujang di Pulau Pinang. SPSK ini juga akan diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk pertimbangan dan kelulusan sebaik sahaja ia dimuktamadkan oleh KP KT.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

24. Nyatakan apakah status pelaksanaan Program Mempelai Emas iaitu pemberian *one-off* sebanyak RM500 kepada setiap pasangan yang baru berkahwin.
 - (a) Apakah syarat-syarat kelayakan dan bagaimana permohonan boleh dibuat?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Manifesto Perpaduan telah dilancarkan dengan 16 tema utama antaranya cakna kepada kebijikan dan memperjuangkan sosioekonomi rakyat. Antara perkara yang dinyatakan dalam manifesto berkenaan adalah untuk memperkenalkan Program Mempelai Emas. Program ini adalah satu bentuk sumbangan berjumlah RM500 secara *one-off* untuk setiap pasangan yang baru mendirikan rumah tangga. Program ini masih dalam peringkat penelitian awal dan Kerajaan Negeri sedang mengumpul data daripada agensi-agensi yang berkaitan termasuk statistik pendaftaran perkahwinan di Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Kerajaan Negeri masih diperingkat merangka dasar bagi pelaksanaan program ini dan menanti kaedah serta syarat kelayakan untuk memastikan objektif program ini tercapai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

25. Selain menaikkan tarif air, apakah langkah-langkah lain yang akan dan sedang diambil Kerajaan Negeri untuk menjamin bekalan air di Pulau Pinang sentiasa mencukupi?
- (a) Nyatakan berapakah panjang *asbestos cement pipe* lama yang masih belum ditukar beserta lokasinya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri terus berusaha mencari penyelesaian jangka masa panjang termasuklah dengan memastikan projek pemindahan air dari Sungai Perak dapat dilaksanakan dengan segera bagi memenuhi permintaan air menjelang tahun 2050. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif melalui PBAPP untuk melaksanakan Pelan Kontingensi Air (WCP 2030) dengan pelaburan sebanyak RM1.18 bilion bagi membangunkan lapan (8) projek utama infrastruktur pembekalan air seperti berikut:

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1.	New Bukit Panchor DAF (<i>Dissolved air flotation</i>) WTP	2023	10	18.6
2.	Package 12A Sungai Dua WTP (<i>additional water treatment module</i>)	2023	114	31

3.	<i>Laying 13 km of 1,800 mm water distribution from Sungai Dua WTP to Butterworth in Seberang Perai</i>	2024		128
4.	<i>Laying of 3.9 km of 1,800 mm water distribution pipelines from Macallum area to PBAPP Bukit Dumbar Reservoir and Pumping Station Complex on Penang Island</i>	2024		44
5.	Mengkuang Dam WTP	2025	114	120
6.	Sungai Kerian WTP	2027	114	171
7.	Sungai Perai water supply scheme (including pre-treatment of raw water)	2028	136	500
8.	Sungai Muda WTP	2028	114	171
JUMLAH				1,183.6

Projek-projek ini akan mengoptimum dan meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP di Pulau Pinang dan membolehkan Pulau Pinang memanfaatkan sumber air mentah tambahan baru di Seberang Perai iaitu Loji Rawatan Air Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan dan Sungai Perai di Seberang Perai Utara. Dengan adanya inisiatif ini akan membantu Pulau Pinang meminimumkan krisis bekalan air dan seterusnya menunjukkan Kerajaan Negeri terus komited dalam memastikan bekalan air berterusan kepada penduduk negeri Pulau Pinang.

- (a) Jumlah panjang *asbestos cement pipe* lama yang masih belum ditukar adalah sebanyak 1,173.263km dan lokasinya adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah Panjang Paip (km)
DBD	84.61
DTL	151.21
SPS	193.067
SPT	367.852
SPU	376.522
Jumlah Panjang	1173.263

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

26. Sungai Pinang menghadapi masalah pelepasan air di muara kerana selut terkumpul telah menjelaskan aliran air ke laut dan boleh menyebabkan kejadian banjir kilat semasa hujan. Apakah cadangan dan langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini dan juga kehilangan sumber air?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan kerja-kerja pengorekan muara Sungai Pinang setiap tahun menggunakan peruntukan negeri. Walau bagaimanapun, kerja dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada keperluan dan ketersediaan peruntukan semasa. Anggaran kos yang diperlukan untuk melaksanakan kerja pengorekan secara menyeluruh adalah sebanyak RM1.0 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

27. Apakah status rancangan projek tambakan laut seluas 650 hektar dari Bagan Ajam ke Teluk Ayer Tawar.
 - (a) Nyatakan secara terperinci syarikat yang telah diberi kebenaran untuk melaksanakan kerja-kerja tambakan laut, bila projek akan bermula dan apakah faedah keuntungan kepada pihak Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. Pihak syarikat pemaju telah mengusulkan cadangan susun atur Pelan Induk yang baharu kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) pada 24 April 2024 dan seterusnya akan mengemukakan Pelan Induk yang baharu untuk perhatian dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

28. Nyatakan apakah pelan rancangan tambakan laut di persisiran Pantai Bersih di Bagan Ajam sama ada dibuat secara pembentukan pulau atau bersambung dengan kawasan tanah besar.
 - (a) Adakah kerja-kerja tambakan laut ini akan melibatkan kawasan penempatan penduduk atau gerai-gerai di kawasan sekitar? Jika ya, nyatakan jumlah yang terlibat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

28. Pihak syarikat pemaju telah mengusulkan cadangan susun atur Pelan Induk yang baharu kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) pada 24 April 2024 dan seterusnya akan mengemukakan Pelan Induk yang baharu untuk perhatian dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

29. Berapakah jumlah Masjid dan Surau berdaftar serta tidak berdaftar di sekitar kawasan Parlimen Bagan?
- (a) Daripada jumlah itu, berapakah jumlah masjid dan surau yang mengalami kerosakan dan sedang dibaiki berserta jumlah kos terlibat?
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan keadaan surau dan masjid sentiasa berada dalam keadaan baik?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHKAK YAB KETUA MENTERI**

29. Masjid dan Surau berdaftar serta tidak berdaftar di sekitar kawasan Parlimen Bagan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Bagi suku tahun pertama 2024, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah menerima empat (4) permohonan pembaikan masjid dan surau yang di dalam kawasan Parlimen Bagan. Pada masa ini, pihak JHEAIPP dalam proses melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi Masjid Jamek Bagan Dalam dengan kos pembaikan berjumlah RM64,979.84. Manakala bagi Masjid Jamek Bagan Jermal, Surau Taman Central dan Surau Ibadurrahman Kampung Jawa masih diperingkat siasatan tapak.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP sentiasa komited dalam memastikan surau dan masjid di negeri Pulau Pinang sentiasa dalam keadaan baik dan memberi keselesaan

kepada Jemaah untuk beribadat. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan kecil masjid dan surau kariah yang telah dibajetkan di bawah peruntukan Pembangunan JHEAIPP.

LAMPIRAN A – ID816

**MASJID DAN SURAU BERDAFTAR SERTA TIDAK BERDAFTAR DI
SEKITAR KAWASAN PARLIMEN BAGAN**

MASJID SUNGAI PUYU	
BIL	SURAU
1	Surau An-Nur, Taman Bagan Lalang
2	Surau An-Nur, Kampung Tok Sani
3	Surau Al-Mutaqqin, Taman Sri Pinang
4	Surau Permatang Manggis
MASJID KUBANG BUAYA	
BIL	SURAU
1	Surau Al-Hidayah, Taman Bagan Jermal
2	Surau Kampung Kastam
MASJID BAGAN DALAM	
BIL	SURAU
1	Surau Ibadurrahman, Kampung Jawa
2	Surau Kampung Perlis
3	Surau Bagan Dalam
4	Surau Jalan Pantai
5	Surau Al Akhbar, Taman Limbungan Indah
6	Surau Kampung Baru, Kuala Kerai
MASJID BAGAN JERMAL	
BIL	SURAU
1	Madrasah Assaadah, Bagan Jermal
2	Surau Al-Falah, Taman Bagan Jaya

MASJID ABDUL KADIR

BIL	SURAU
-----	-------

1 Madrasah Nagore

MASJID TELAGA AIR

BIL	SURAU
-----	-------

1 Surau Jalan Siram

2 Surau Sungai Nyior

3 Surau Al-Istiqlal, Pangsapuri Ria

MASJID MAK MANDIN

BIL	SURAU
-----	-------

1 Surau Al- Hidayah, Pangsapuri Ampang Jajar

2 Surau Taman Sentral

3 Surau An-Nur, Taman Ampang Jajar

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVIII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

30. Mohon nyatakan kawasan pengairan sungai yang tercemar dengan lambakan sampah terutama di sekitar kawasan Parlimen Bagan.
 - (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menangani permasalahan tersebut yang boleh mengakibatkan kejadian banjir kilat?
 - (b) Nyatakan kawasan hot spot banjir kilat dan rancangan jangka masa pendek dan panjang yang akan dilaksanakan.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Di Parlimen Bagan, sungai-sungai yang tercemar dengan lambakan sampah ialah Sungai Nyior, Sungai Mak Mandin, Sungai Tok Sani, Sungai Maklom, Sungai Alor Merah dan Sungai Puyu Kanan.
 - (a) Jabatan Pengairan Dan Saliran telah melantik kontraktor untuk kerja-kerja penyelenggaraan untuk Sungai Mak Mandin, Sungai Tok Sani, Sungai Maklom, Sungai Alor Merah dan Sungai Puyu Kanan secara berkala termasuk mengangkut keluar sampah yang tersangkut di perangkap sampah dan lintasan utiliti. Manakala Sungai Nyior dibawah penyelenggaraan pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). MBSP sentiasa menjalankan proses pembersihan secara berkala terhadap perangkap sampah dan kolam takungan bagi mengurangkan risiko terjadinya banjir kilat.

- (b) Senarai kawasan “hotspot” banjir kilat dan rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang adalah seperti di **Lampiran A**.

SENARAI KAWASAN HOT SPOT BAGI PARLIMEN BAGAN

BIL	LEMBANGAN SUNGAI/SUB LEMBANGAN/ KAWASAN TADAHAN	KAWASAN BANJIR	STATUS HOTSPOT BANJIR (BANJIR LEBIH 2 KALI SETAHUN)	STATUS BERPOTENSI BANJIR	AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	MITIGASI JANGKA PENDEK	MITIGASI JANGKA PANJANG
1	Sungai Perai/ Sungai Nyiur	SK Convent Butterwoth		SK Convent Butterwoth	JKR		
2		Kg. Sungai Nyiur	Kg. Sungai Nyiur		PDTSPU		
3		Jalan Siram		Jalan Siram	JKR		
4	Parit Monsun	Taman Bunga Raya		Taman Bunga Raya	PBT		Telah Melantik Perunding untuk Rekabentuk Terperinci Bagi Mengurangkan Risiko Banjir Di Lembagan Sungai Nyiur Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
		Taman Sintat		Taman Sintat	PBT		
		Jalan Thambi Kecil		Jalan Thambi Kecil	JKR		
5		Taman Teratai		Taman Teratai	PBT		
6	Sungai Perai / Sungai Bagan Lalang	Kampung Alor Merah	Kampung Alor Merah		JPS	Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Di Sungai Bagan Lalang Daerah Seberang Perai Utara. Tarikh Mula :15.06.2023 Tarikh Siap :07.09.2023 Kos : RM 170,700.00	
7		Kampung Manggis	Kampung Manggis		JPS		
8				Taman Puyu	PBT		
9	Banjir atas jalan	Taman Selayang Utama	Taman Selayang Utama		PBT		
10	Sungai Perai / Sungai Maklom	Kampung Maklom	Kampung Maklom		JPS	Kerja-Kerja Memulihkan Saliran Sungai Maklom Di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Tarikh Mula :02.05.2024 Tarikh Siap :25.07.2024 Kos : RM 169,600.00	
11	Sungai Perai/ Sungai Tok Sani	Kampung Tok Sani	Kampung Tok Sani		JPS		
12	Sungai Perai/ Sungai Mak Mandin	SRJK(T) Mak Mandin SK Mak Mandin SMK Mak Mandin Kawasan Perindustrian Mak Mandin Pejabat POS Mak Mandin Flat Hijau Klinik Kesihatan Mak Mandin Kampung Malaysia		SRJK(T) Mak Mandin SK Mak Mandin SMK Mak Mandin Kawasan Perindustrian Mak Mandin Pejabat POS Mak Mandin Flat Hijau Klinik Kesihatan Mak Mandin Kampung Malaysia	JPS	1) Kerja Mendalam Dan Membalik Serta Lain-lain Kerja Berkaitan Di Sungai Mak Mandin, Daerah Seberang Perai Utara Tarikh Mula :25/3/2024 Tarikh Siap :14/6/2024 Kos : RM 85,340.00 2) Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Dari <u>Taman Sri Nacib Ke Sungai Mandin Daerah</u>	Nama Projek: Projek Tebatan Banjir Mak Mandin, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Kos Projek: RM 52Juta Status Projek: Siap Sumber Peruntukan: Negeri/ Persekutuan Komponen Projek: Pembinaan Rumah Pam, Menaiktaraf Sungai Mak Mandin, Menaiktaraf Parit Monsun dan Menaiktaraf Sistem Saliran Taman. Tarikh mula dan siap dilaksanakan: /
13		Taman Bagan		Taman Bagan			
14		Taman Cantek	Taman Cantek		PBT		
15	Sungai Perai	Taman Kerapu	Taman Kerapu		PBT		

LAMPIRAN TAMBAHAN

KAWASAN ‘HOTSPOT’ BANJIR KILAT DAN RANCANGAN JANGKA MASA PENDEK DAN PANJANG YANG AKAN DILAKSANAKAN DI PARLIMEN BAGAN

BIL	LOKASI HOTSPOT	CADANGAN MITIGASI	ANGGARAN KOS (RM)	STATUS
1	Taman Bunga Raya	Projek Naiktaraf Parit dan Membina Rumah Pam 600 l/s	1,173,000.00	Siap pada Februari 2024
2	Jalan Siram	Projek Naiktaraf Parit Monsun Jalan Siram	4,100,000.00	Projek sedang dilaksanakan
3	Taman Sin Tat	Projek Pembinaan Parit Lencongan di Jalam Thamby Kecil	3,000,000.00	Penyediaan lukisan rekabentuk dan dokumen tender
4	Taman Melur	Projek Pembinaan Parit Lencongan di Jalam Thamby Kecil	3,000,000.00	Penyediaan lukisan rekabentuk dan dokumen tender
5	Jalan Thamby Kecil	Projek Pembinaan Parit Lencongan Di Jalam Thamby Kecil	3,000,000.00	Penyediaan lukisan rekabentuk dan dokumen tender